TIP MENGGUNAKAN 'HEALING OIL™'

PERHATIAN:

Sticker label pada botol adalah kalis air tetapi tidak kalis minyak, mohon tuan-puan berhati-hati dalam penggunaan minyak, elakkan minyak dari terkena pada label botol. Mohon tampalkan salotape jernih pada label botol sebagai perlindungan hakisan minyak. Kami akan *'improve'* kelemahan ini bagi produksi yang akan datang.

Bau minyak pada setiap kali produksi adalah berbeza-beza kerana kepekatan kasturi memberikan bau yang berbeza-beza. Jika terlebih hablur buntat kasturi, maka baunya akan menjadi tajam menyengat, jika kasturinya sedang-sedang, maka baunya akan menjadi kurang sedikit tajam. Usah fokus pada bau tetapi fokus pada manfaatnya. Anggaplah ini bukan 100% minyak wangi tetapi minyak yang berkaitan perubatan.

Bau minyak mungkin agak berbau ala-ala 'Pakistan', 'Arab' dan 'India'. Pada mulanya baunya sangat kuat dan terlalu tajam (kerana ianya original), usah risau, kami sudah memperlahankan sedikit baunya (supaya tidak pening kepala). Bau tersebut wujud adalah kerana kami mencampurkan kayu gaharu dan lain-lain. Jika baunya terlalu tajam dan radius baunya tinggi, dikhuatiri ramai orang di sekeliling akan tidak selesa kerana orang Malaysia tidak suka bau sedemikian.

Mohon jangan ditukar minyak ke dalam botol yang lain kerana minyak tersebut ada kaitan dengan label pada botolnya contohnya 4 kalimat arab berserta kod digit 2468. Minyak dan label pada botolnya memiliki 'sangkut-paut'.

Minyak ini terlalu kuat spiritual *power*-nya (dengan keizinan Tuhan), kami sudah jemurkan di bawah sinaran bulan purnama dan kami mendapati, minyak itu boleh menjadi semakin banyak/melimpah dengan kekuatan energi bulan purnama. Cuma, untuk mengelakkan pengguna salah faham dan tertimbulkan fitnah atas fenomena ini, maka kami 'modified' sedikit agar minyak itu tidak penuh sendiri jika dijemur di bawah bulan purnama.

Minyak ini tiada unsur khadam, tiada unsur yang luar dari etika keagamaan. Minyak ini tidak hilang power jika dilangkah, serta tidak juga hilang power jika dibawa masuk ke dalam tandas. Jika hendak membawanya masuk ke dalam tandas, sila masukkan botol minyak ke dalam poket atau beg tangan (maksudnya adalah ditutup) kerana minyak itu memiliki kalimat Asma-Ul-Husna pada label. Kita hormat label.

Bawa minyak ini ke mana-mana sahaja sepanjang hayat (walaupun tidak memakainya). Sesiapa yang membawa minyak ini, dengan izin Tuhan dirinya akan terblok dari manusia dan jin yang berniat jahat dan khianat. Sentiasa membawanya ke dalam poket atau beg tangan. Digalakkan sentiasa ada pada setiap masa. Jika sudah dipakai sehingga habis, sila hubungi kami untuk mendapatkan yang baru.

TATACARA PENGGUNAAN:

Minyak ini boleh dipakaikan pada kulit ataupun pada pakaian. Tidak dinafikan, memang terdapat orang yang kulitnya jenis sensitif pada minyak, maka sila pakai pada pakaian sahaja. Jikalau tidak sensitif, barulah boleh calit pada kulit. Boleh calitkan di leher, lengan, dan mana-mana yang tuan-puan selesa.

MIMPI NGERI/NIGHTMARE

Jika tuan-puan mudah mengalami mimpi ngeri, sila calitkan minyak pada leher dan kepala sebelum tidur, calitkan juga sedikit sahaja pada bantal, cadar dan juga selimut dan tidurlah dengan nyenyak selepas itu. Jika terlupa pakai, tatkala terjaga selepas mendapat mimpi ngeri, disegerakan pakai Healing Oil.

ANXIETY/DEPRESSION

Sentiasa calit/pakai minyak ini pada diri 4-kali sehari. Baunya mungkin tidak lama bertahan, usah risau kerana minyak itu akan diserap oleh kulit dan masuk ke dalam darah, maka powernya kekal ada sehingga anggaran sekitar 6-jam sebelum ditambah dengan calitan baru (mahu calit 10 kali sehari pun boleh).

MENEMUI MANUSIA YANG 'ENERGY VAMPIRE'
Pernah atau tidak tuan-puan bertemu dengan orang yang menyebabkan kita letih/penat/mengantuk tatkala bertemu dengan mereka? Pakai minyak ini sebelum bertemu dengan mereka. Dengan izin Tuhan, segala jin dan sihir pada diri orang itu tidak menyerap energi tuan-puan.

BAYI YANG MENANGIS/TANTRUM
Jikalau ada bayi yang menangis kuat atau tantrum tanpa henti tanpa sebab yang nyata, maka calitkan sahaja minyak ini pada kulitnya atau bajunya, dengan izin Tuhan, bayi akan perlahan-lahan berhenti menangis. Jika masih tidak berhenti menangis, mungkin ianya adalah asbab yang lain contohnya kembung perut, gatal, atau senang kata asbab sakit fizikal dll.

ORANG YANG SEDANG KERASUKAN
Jikalau bertemu dengan orang yang sedang kerasukan, calitkan sahaja minyak ini pada beberapa bahagian di tubuhnya. Calitkan pada kulit (bukan pakaian), dan biarkan sahaja mereka dengan kerasukannya (yang penting minyak sudah dicalit), usah dirawati mereka, dengan izin Tuhan, mereka akan sedar sendiri selepas beberapa minit.

MERAWATI INSAN SECARA JARAK JAUH
Jikalau tuan-puan mendapat khabar ahli keluarga atau rakan-rakan yang sedang mengalami gangguan atau kerasukan dll., tuan puan boleh sahaja merawati mereka secara jarak jauh. Kami hanya akan kongsikan kaedah yang asas dan mudah sahaja (kaedah di pusat rawatan Cahaya Metafizik Centre mungkin terlalu kompleks untuk dikongsikan).

+ Diri sendiri kena pakai dahulu minyak ini (calit sahaja pada mana-mana anggota tubuh),
+ *Print* gambar insan yang mengalami gangguan itu (*black & white* pun boleh, gambar separuh pun boleh),
+ Sapukan Healing Oil pada gambar tersebut,
+ Semasa sapu, niatkan: *"aku bukanlah menyapu minyak ini pada gambar ini tetapi aku menyapu minyak ini pada sukma orang ini dan juga segala energi yang mendampingi orang ini."*
+ Setelah selesai, letakkan gambar ke dalam pinggan kaca/seramik dan taburkan garam kasar di atas gambar,
+ Simpan pinggan itu di bawah cahaya lampu atau mana-mana tempat yang terang selama 1-3 hari,
+ Selepas 1-3 hari, larutkan gambar itu ke dalam air dan siramkan pada mana-mana pokok tanaman.

PASANGAN/ANAK YANG PANAS BARAN
Jikalau pasangan/anak tuan-puan jenis yang panas baran, sapukan Healing Oil pada pakaian hariannya termasuklah pakaian kerjanya, biarkan mereka memakai pakaian dengan haruman tersebut. Jika bau Healing Oil itu adalah bukan *'taste'* pasangan/anak tuan-puan, teruskan sahaja mencalitnya. Mereka suka atau tidak suka itu lain cerita, yang penting calit sahaja.

JIN MUSLIM/RIJALUL GHAIB/ARWAH YANG SOLEH
Sesiapa yang memakai minyak ini, dengan izin Tuhan dirinya akan 'resonan'/didampingi oleh jin-jin yang muslim/soleh, rijalul ghaib, atau arwah-arwah insan-insan yang soleh semasa hidup (usah salah faham, bukannya tuan-puan memiliki khadam). Bau entiti tersebut adalah 100% seperti bau minyak ini. Mereka akan kerap mendoakan tuan-puan, dan jikalau mereka terlihat adanya sihir ilmu hitam pada diri tuan-puan, jika mereka mahu, mereka akan *'purify'* segala sihir yang memudaratkan itu pada diri tuan-puan. Usah disuruh-suruh, biarkan sahaja entiti-entiti tersebut melakukan dengan kehendak sendiri (andai 'mereka' hadir ziarah sahaja). Sentiasa pakai Healing Oil untuk mendapatkan kesan positif ini.

BAGI SESIAPA YANG AKAN MENJALANI PEPERIKSAAN
Sesiapa yang sedang menjalani peperiksaan, pakailah/calitlah Healing Oil agar tiada gangguan jin yang memudaratkan serta energi negatif semasa menjawab peperiksaan. Bawa Healing Oil tersebut bersama-sama ketika menjalani peperiksaan.

MESTI PAKAI KETIKA BERADA DI LOKASI INI
Hospital, mahkamah, simpang 4 jalan, tanah perkuburan, sedang memandu kenderaan yang perjalanannya jauh, di sekolah-sekolah, di rumah-rumah atau bangunan-bangunan usang. Jika perawat alternatif, pakai sebelum merawat.

TIP MENGGUNAKAN 'MAJESTIC OIL™'

PERHATIAN:

Sticker label pada botol adalah kalis air tetapi tidak kalis minyak, mohon tuan-puan berhati-hati dalam penggunaan minyak, elakkan minyak dari terkena pada label botol. Mohon tampalkan salotape jernih pada label botol sebagai perlindungan hakisan minyak. Kami akan *'improve'* kelemahan ini bagi produksi yang akan datang.

Bau minyak pada setiap kali produksi adalah berbeza-beza kerana kepekatan kasturi memberikan bau yang berbeza-beza. Jika terlebih hablur buntat kasturi, maka baunya akan menjadi tajam menyengat, jika kasturinya sedang-sedang, maka baunya akan menjadi kurang sedikit tajam. Usah fokus pada bau tetapi fokus pada manfaatnya. Anggaplah ini bukan 100% minyak wangi tetapi minyak yang berkaitan perubatan.

Bau minyak mungkin agak berbau ala-ala 'Pakistan', 'Arab' dan 'India'. Pada mulanya baunya sangat kuat dan terlalu tajam (kerana ianya original), usah risau, kami sudah memperlahankan sedikit baunya (supaya tidak pening kepala). Bau tersebut wujud adalah kerana kami mencampurkan kayu gaharu dan lain-lain. Jika baunya terlalu tajam dan radius baunya tinggi, dikhuatiri ramai orang di sekeliling akan tidak selesa kerana orang Malaysia tidak suka bau sedemikian.

Mohon jangan ditukar minyak ke dalam botol yang lain kerana minyak tersebut ada kaitan dengan label pada botolnya contohnya 4 kalimat arab berserta kod digit 2769. Minyak dan label pada botolnya memiliki 'sangkut-paut'.

Minyak ini terlalu kuat spiritual *power*-nya (dengan keizinan Tuhan), kami sudah jemurkan di bawah sinaran bulan purnama dan kami mendapati, minyak itu boleh menjadi semakin banyak/melimpah dengan kekuatan energi bulan purnama. Cuma, untuk mengelakkan pengguna salah faham dan tertimbulkan fitnah atas fenomena ini, maka kami 'modified' sedikit agar minyak itu tidak penuh sendiri jika dijemur di bawah bulan purnama.

Minyak ini tiada unsur khadam, tiada unsur yang luar dari etika keagamaan. Minyak ini tidak hilang power jika dilangkah, serta tidak juga hilang power jika dibawa masuk ke dalam tandas. Jika hendak membawanya masuk ke dalam tandas, sila masukkan botol minyak ke dalam poket atau beg tangan (maksudnya adalah ditutup) kerana minyak itu memiliki kalimat Asma-Ul-Husna pada label. Kita hormat label.

Bawa minyak ini ke mana-mana sahaja sepanjang hayat (walaupun tidak memakainya). Sesiapa yang membawa minyak ini, dengan izin Tuhan dirinya akan terblok dari manusia dan jin yang berniat jahat dan khianat. Sentiasa membawanya ke dalam poket atau beg tangan. Wajib ada pada setiap masa. Jika sudah dipakai sehingga habis, sila hubungi kami untuk mendapatkan yang baru.

TATACARA PENGGUNAAN:

Minyak ini boleh dipakaikan pada kulit ataupun pada pakaian. Tidak dinafikan, memang terdapat orang yang kulitnya jenis sensitif pada minyak, maka sila pakai pada pakaian sahaja. Jikalau tidak sensitif, barulah boleh calit pada kulit. Boleh calitkan di leher, lengan, dan mana-mana yang tuan-puan selesa.

AGAR DIRI DIMULIAKAN OLEH SESIAPA SAHAJA YANG MELIHAT
Sebelum ingin keluar ke mana-mana keramaian, sila pakai/calitkan minyak di leher, dan juga kedua-dua kening. Dengan izin Tuhan, orang itu akan sejuk jiwa tatkala memandang diri. Selagi mana berada di keramaian, calitkan sentiasa pada diri 6-jam sekali. Boleh pakai juga semasa sesi temuduga agar para panel penemuduga berasa belas ihsan pada diri.

TERHIJAB DARI PANDANGAN MANUSIA-MANUSIA TOKSIK
Manusia yang toksik itu memang wujud dan mereka memiliki fungsinya tersendiri di atas muka bumi ini, usah kita mengubah sifat mereka tetapi kita boleh mengubah diri kita sendiri agar dapat mengelak dari perbuatan mereka. Pada waktu subuh (jika muslim, selepas menunaikan solat subuh), calitkan minyak tersebut pada diri (bebas di mana-mana anggota tubuh), selepas itu berdoalah *"Ya Tuhanku, sepanjang hari ini, diriku terhijab dari pandangan manusia-manusia yang berniat jahat terhadapku, mereka tidak akan nampak kehadiran diriku"*. Lakukan pada setiap hari.

UNTUK PELARISAN PERNIAGAAN
Selagi mana tuan-puan berniaga (walaupun secara *online*), pakai minyak tersebut pada setiap hari (4 kali sehari atau lebih). Dengan izin Tuhan, ramai orang yang *'notice'* diri tuan-puan dan berminat untuk mendapatkan servis atau membeli produk tuan-puan. Jika memiliki kedai/pejabat, masukkan garam kasar laut ke dalam gelas kaca sehingga ½ gelas, curahkan ¼ atau ½ Majestic Oil ke dalam garam dan gaulkan. Letakkan di belakang pintu utama kedai/pejabat atau letakkan di bahagian depan gerai/permis.

BERHUBUNGAN INTIM DENGAN PASANGAN
Pakai minyak ini semasa berhubungan intim bersama pasangan (suami isteri mesti pakai), dengan Izin Tuhan, jin-jin jahat dan sihir pemisah tidak akan sesekali dapat mengganggu proses hubungan intim dan tidak mengganggu benih. Awas, jika lelaki, usah disapukan pada zakar, kecuali perempuan sahaja yang boleh mencalitkan pada labia luar atau clitoris. Lelaki boleh pakai di mana-mana sahaja asalkan bukan di zakar. Jika tuan-puan mahu minyak seperti ini yang boleh disapukan pada seluruh tubuh, sila tunggu ***new production*** iaitu **Cahaya Metafizik | Golden Rub** (minyak urut pelbagai fungsi).

MENUNDUKKAN MANUSIA *(DOMINATION MAGIC)*
Di luar sana terdapat ramai manusia yang kategori *'difficult people'* (cerewet, sukar diajak berbincang, memotong percakapan dan perlu mendengar 'suaranya' sahaja), maka untuk menghadapi manusia-manusia yang *'difficult people'*, sila calitkan minyak pada leher tuan-puan, kening dan kedua-dua lengan baju (atau/dan kulit lengan) sehingga kuat baunya, lalu berbual berdekatan dengan orang tersebut. Lihat pada mata orang tersebut, jikalau matanya 'layu' ala-ala mengantuk, minta sahaja apa-apa yang mahu dipinta pada orang tersebut, dengan Izin Tuhan, orang itu akan menurutinya. Awas! Jangan melakukannya bagi tujuan yang jahat contohnya seperti mahu '*scam'* seseorang dll. Sila gunakan bagi tujuan baik-baik sahaja.

BAGI MENDAPATKAN JODOH
Jika tuan-puan masih belum bernikah dan memiliki *'crush'*/insan yang dicintai, *print*-kan gambar penuh insan itu pada kertas A4, dan di belakang kertas itu pula sila tuliskan surat cinta konon-kononya si insan itu yang sedang menulisnya kepada diri tuan-puan. Sebelum menulisnya, calit dahulu Majestic Oil pada diri sendiri. Tuliskan apa-apa sahaja yang tuan-puan mahu insan itu luahkan kepada tuan-puan (kata-kata cinta yang bebas mengikut imaginasi sendiri), tuliskan dengan penuh 'feeling' sehingga bulu roma itu naik meninggi. Ingat, tulis dengan membayangkan insan tersebut yang sedang menulisnya (surat cinta) kepada tuan-puan. Di bawah ini adalah contohnya:

Jika nama tuan (pemilik Majestic Oil) adalah Ahmad Bin Rozlan, tarikh lahir pada 22/11/1988, dan nama insan yang dicintai itu adalah Nurul Binti Hamid, mulakan surat itu dengan ayat di bawah ini:

"Kepada Ahmad Bin Rozlan yang lahir tanggal 22/11/1988 yang aku cintai dan rindui.. aku Nurul Binti Hamid sangat mencintai dirimu sepenuh hatiku, rasa mahu dipeluki olehmu pada setiap hari, nikahilah aku bla, bla, bla"
ATAU,
Jika nama cik (pemilik Majestic Oil) adalah Aida Binti Abdul, tarikh lahir pada 31/03/1988 dan nama insan yang dicintai itu adalah Syafiq Bin Sabri, mulakan surat itu dengan ayat di bawah ini:

"Kepada Aida Binti Abdul yang lahir tanggal 31/03/1988 yang aku cintai dan rindui.. aku Syafiq Bin Sabri sangat mencintaimu sepenuh hatiku, aku akan segera menikahimu, dan memelukmu pada setiap hari bla, bla, bla"

Selepas selesai menulisnya, lipatkan 3-kali lipatan mengarah ke arah diri tuan-puan, sapukan Majestic Oil pada surat itu dan letakkan di bawah bantal dan tidurlah. Digalakkan tulis pada jam 3-5 pagi. Jika diizinkan Tuhan, minda di bawah sedar orang itu akan menyukai diri tuan-puan (ia mengambil masa). Andai kata insan itu *'defend'* minda bawah sedarnya terhadap diri tuan-puan (bukan jodoh) teruskan juga melakukannya (tulis seminggu sekali atau terpulang atas kerajinan) kerana akan ada orang lain pula yang seakan-akan dirinya yang hadir mencintai diri tuan-puan. Kita target insan A tetapi insan B, C dan D pula yang akan jatuh hati pada diri tuan-puan. Itulah 'gerak kerja' alam semesta yang sangat misteri, apa yang penting, jodoh itu sampai. Awas! Sila sorok surat-surat itu dari sesiapa sahaja agar tidak difitnah dan dikatakan tuan-puan gila atau *'delusional'*. Jika mahu menghapuskan surat tersebut, rendamkan ke dalam air sehingga larut dan siramkan pada mana-mana pokok yang memiliki bunga yang wangi. Melakukan tip ini bagi tujuan gay dan lesbian adalah SANGAT DILARANG (walaupun mungkin jua menjadi). Jaga etika diri dan agama masing-masing, usah melampui batasan.